




Misi Dr. Alif buru PhD ketiga

MENGGENGAM ijazah doktor falsafah (PhD) pada usia muda sudah cukup membanggakan, apatah lagi jika seseorang itu mempunyai lebih daripada satu PhD.

Kedengaran agak pelik dan janggal, namun itulah yang dibuktikan oleh seorang anak muda berasal dari Kuala Lumpur.

Bagi Dr. Mohd. Alif Jasni, dia bukan sahaja memiliki dua PhD dan empat ijazah sarjana (Master), malah kini sedang menyambung pengajian PhD ketiganya dalam bidang sains politik.

Mesra disapa Alif, pemuda berusia 38 tahun itu merupakan Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial di Universiti Utara Malaysia (UUM) sejak tujuh tahun lalu.

Alif sebelum ini telah berjaya



Sejak berumur 24 tahun, saya sentiasa berminat untuk mempelajari ilmu baharu. Lebih-lebih lagi apabila dapat menyampaikannya kepada pelajar saya."

menggengam Ijazah Sarjana Muda Sains Politik daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); Ijazah Sarjana Pengajian ASEAN dan Ijazah Sarjana Keadilan Jenayah (Universiti Malaya, UM); Ijazah Sarjana Komunikasi Media daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM); Ijazah Sarjana Sains (Gender dan Pembangunan) daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Diploma Pascasiswazah Pengajaran dan Pembelajaran (PGDHLT) daripada UUM.

Bagi peringkat PhD, Alif telah berjaya memperoleh PHD Keadilan Jenayah daripada UM dan PhD Kerja Sosial daripada UKM.

Di sebalik kejayaan akademik diperoleh, Alif sebenarnya sedang bergelut melawan penyakit yang jarang ditemui iaitu Arnolds Chiari Malformation sejak berusia 22 tahun.

Arnolds Chiari Malformation atau lebih dikenali sebagai kecacatan Chiari merupakan satu keadaan di mana tisu otak

meluas ke dalam saluran tulang belakang.

Berkesempatan menemu bual anak sulung daripada empat beradik itu baru-baru ini, Alif memberitahu, dia banyak menghabiskan masa dengan belajar untuk mengalihkan fokus daripada kesakitan dialami.

"Sebenarnya, ia merupakan hasrat peribadi saya dan satu kepuasan diri apabila mempunyai pengetahuan dalam beberapa bidang.

"Sejak berumur 24 tahun, saya sentiasa berminat untuk mempelajari ilmu baharu. Lebih-lebih lagi apabila dapat menyampaikannya kepada pelajar saya," katanya.

Menurut Alif, menahut cabaran PhD ketiga juga membuka peluang kepadanya untuk bekerjasama dengan kawan-kawan daripada bidang berlainan.